

# ICT: Lebih banyak sekolah pedalaman terlibat

um - 16/4/2007.

PUTRAJAYA 15 April - Sekolah-sekolah di kawasan pedalaman dan luar bandar akan mendapat lebih banyak pendedahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) apabila Program Pembestarian Sekolah mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM72 juta.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, peruntukan tersebut adalah bagi mewujudkan sebanyak 1,600 pusat akses Internet sebagai tambahan kepada 2,000 pusat akses yang dirancang oleh Kementerian itu.

Beliau berkata, kementeriannya juga memperuntukkan sebanyak RM82 juta bagi mengadakan kelengkapan telepersidangan, kemudahan telefon satelit dan faks tanpa talian selain meningkatkan keupayaan talian di lebih 5,800 buah sekolah di luar bandar dan pedalaman.

"Melalui Program Pembestarian Sekolah, saya berharap kementerian akan dapat mengubah cara guru mengajar dan murid belajar, cara guru menilai dan mentaksir kebolehan murid serta cara pentadbir sekolah mengurus dan mentadbir sekolah," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Menurut Hishammuddin, di kelas-kelas prasekolah pula, sebanyak RM72.1 juta diperuntukkan bagi membekalkan lima unit komputer meja bagi pembelajaran 25 orang pelajar di dalam kelas tersebut.

Selain itu, kata beliau, sebanyak RM113 juta lagi diperuntukkan bagi mengadakan perisian kursus yang bersesuaian untuk membantu guru dan murid yang terlibat.

"Bagi memastikan sekolah mempunyai kemudahan komputer, untuk sekolah-se-

kolah yang tidak mempunyai ruang dan sekolah kurang murid (SKM) di kawasan pedalaman, bilik komputer atau makmal komputer menggunakan konsep kabin akan disediakan," kata beliau.

## Infrastruktur

Beliau menjelaskan, dalam usaha untuk membestarikan semua sekolah kerajaan, kementerian berusaha menyediakan infrastruktur dan membekalkan perkakasan ICT serta mengadakan akses Internet jalur lebar untuk sekolah dan membangunkan rangkaian setempat.

Tambah beliau, kementeriannya juga berusaha membangun dan membekalkan sekolah dengan pelbagai aplikasi pengurusan, perisian kursus, bahan multimedia dan program TV Pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Katanya, kementerian itu juga mengadakan program latihan bagi meningkatkan keupayaan guru untuk mengintegrasikan ICT dalam pendidikan dan program pengurusan perubahan untuk mempersiapkan pentadbir sekolah.

Dalam pada itu, sebanyak 88 buah Sekolah Bestari akan dimantapkan untuk dijadikan penanda aras kepada Program Pembestarian Sekolah, selain menjalin kerjasama dengan agensi dan pihak luar termasuk pihak-pihak swasta bagi mempercepatkan proses pembestarian.

Menjelaskan jumlah perkakasan yang telah disediakan di seluruh sekolah di bawah kementerian berkenaan, Hishammuddin berkata, setakat ini, sebanyak 5,266 buah makmal komputer dan 1,584 buah pusat akses sudah dibina dengan

15,840 unit komputer meja dibekalkan ke sekolah-sekolah yang terlibat.

Di bawah projek School-Net pula, kata beliau, sebanyak 9,349 buah sekolah dan institusi pendidikan telah dihubungkan dengan kemudahan jalur lebar atau 97 peratus daripada jumlah keseluruhan sekolah.

"Baki tiga peratus itu ialah sekolah pedalaman yang tidak mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi dan kementerian akan membekalkan set generator berkapasiti 30-35 kVA atau melalui penggunaan teknologi solar hibrid sebelum merangkaikan kesemuanya dengan School-Net," kata beliau.

Bagi Program Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) pula, beliau berkata, sebanyak 173,000 unit komputer riba, 18,000 unit komputer meja, 114,000 unit projektor LCD dan 21,000 unit pencetak telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah.

Dari segi perisian kursus pula, beliau berkata, kementeriannya menyediakan lebih pada dari 5,245 judul membabitkan pembelajaran dan pengajaran manakala untuk program tv Pendidikan, sebanyak 3,645 rancangan kurikulum disediakan.

Kata Hishammuddin, bagi memastikan semua perkakasan tersebut dapat digunakan, kementeriannya telah memberikan latihan kepada 248,000 orang guru daripada peringkat asas sehinggalah ke tahap lanjutan.

"Melalui pembangu-

nan makmal komputer dan penyediaan pusat akses di sekolah-sekolah, sasaran kementeriannya adalah untuk mengurangkan nisbah nasional komputer kepada murid daripada 1:40 kepada sekurang-kurangnya 1:20 dan menjadikan nisbah nasional komputer kepada guru sekurang-sekurangnya 1:2," kata beliau.



HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN